



Alamat : **Bahagian Komunikasi Strategik,  
Aras 18, Blok C,  
Ibu Pejabat  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,  
No. 2, Lebuh Wawasan, Presint 7,  
62250 Putrajaya**  
Tel. : **03-8870 0015**  
Faks : **03-8870 0908**  
E-mel : **[komunikasi@sprm.gov.my](mailto:komunikasi@sprm.gov.my)**  
Web : **[www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)**  
Twitter : **[twitter.com/SPRMMalaysia](https://twitter.com/SPRMMalaysia)**  
Facebook: **[facebook.com/sprm.benci.rasuah](https://facebook.com/sprm.benci.rasuah)**  
Youtube : **[www.youtube.com/odvmaacc](https://www.youtube.com/odvmaacc)**

# KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

## SPRM BUKA 6 KERTAS SIASATAN BERKAITAN PROJEK TEROWONG DASAR LAUT PULAU PINANG

SUSULAN isu siasatan kes terowong dasar laut Pulau Pinang yang dibangkit baru-baru ini, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan telah membuka sebanyak enam kertas siasatan berkaitan projek terowong dasar laut di Pulau Pinang.

Kertas siasatan pertama telah dibuka pada Julai 2017 manakala lima lagi kertas siasatan dibuka pada Januari 2018.

Sebanyak lima kertas siasatan telah selesai dan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya. Tiga kertas siasatan telah dikembalikan kepada suruhanjaya ini untuk siasatan lanjut, manakala dua lagi masih dalam kajian Timbalan Pendakwa Raya. Selebihnya, masih dalam siasatan SPRM.

**SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**

**PUTRAJAYA**

**4 MAC 2019**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan sebuah agensi penguatkuasaan yang ditubuhkan melalui penggubalan Akta SPRM 2009 (Akta 694D) bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia serta untuk memperbaiki persepsi kebebasan dan ketelusan dalam pelaksanaan fungsi-fungsi SPRM. SPRM turut disokong oleh mekanisme *check and balance* dalam memastikan SPRM bertindak selaras dengan kehendak perundangan negara dan aspirasi masyarakat. Suruhanjaya ini dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR).